

Pelajar kolej gantung diri

Metro 16/3/2011 MS 17.

Mangsa dipercayai alami tekanan hidup jadi pendiam

>>Oleh **Muhaamad Hafis Nawawi**

mhafis@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Akibat tidak tahan dengan tekanan hidup, seorang pelajar lelaki sebuah kolej sanggup menggantung diri di tiang bola keranjang di kawasan taman permainan di sini, semalam.

Difahamkan, mangsa berusia 19 tahun mengalami tekanan hidup mula berubah perwatakan daripada seorang yang periang kepada pendiam sehingga mengambil keputusan menggantung dirinya.

Menurut sumber, mangsa hanya dijumpai orang awam yang kebetulan melalui ka-

wasan itu kira-kira jam 12 tengah hari namun gagal menyelamatkannya kerana sudah meninggal dunia di tempat kejadian.

“Mangsa dipercayai datang ke tempat kejadian pada sebelah malam ketika orang ramai sedang tidur sebelum mengambil keputusan membunuh diri.

“Mangsa menggunakan tuala yang diikat di tiang bola keranjang terbabit sebelum bertindak menggantung diri selepas kecewa dengan hidup dilaluinya,” katanya.

Sumber itu berkata, lelaki terbabit juga tidak meninggal sebarang nota di tempat kejadian membuatkan keluarganya tidak mengetahui tindakannya membunuh diri.

“Keluarga mangsa yang terkejut dengan tindakannya memberitahu sepanjang hayatnya, dia seorang yang periang dan tidak mempunyai masalah, namun mungkin disebabkan tekanan hidup dia bertindak sedemikian.

“Mayat mangsa kemudiannya dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk bedah siasat,” katanya.

Difahamkan, ibu mangsa sudah meninggal dunia sejak dia kecil manakala bapanya kini bekerja di Singapura.

Mangsa turut mempunyai seorang kakak dan dua adik yang tinggal berasingan sejak dia diterima masuk ke sebuah kolej di sini.